

# SUMBANGAN 'ALĪ BIN ABĪ ṬĀLIB R. 'A DALAM BIDANG 'ULŪM AL-NAQLIYYAH

Oleh:  
Abdullah Yusof \*

## Abstract

*This article will present the contribution made by the fourth Caliph in the Caliph al-Rasyidin's series which is 'Alī b. Abī Ṭālib in the field of 'Ulūm al-Naqliyyah. Among the important sub-areas are al-Qur'ān and Interpretation, Tauhid, Fiqh, Tilāwah al- Qur'ān and others. As a person who lives during the time of the Prophet until his death, his knowledge is unbeatable and is still expanding until now. He is also respected by both Muslim and non-Muslim scholars.*

## Pendahuluan

Dalam persejarahan awal Islam, tiada perkara yang lebih dipentingkan atau dianjurkan oleh agama Islam ke atas penganutnya kecuali gesaan memperolehi ilmu pengetahuan. Ayat al-Qur'ān yang mula-mula diturunkan juga berhubung dengan gesaan membasmi buta huruf<sup>1</sup>. Rasulullah s.a.w. sendiri menganjurkan para sahabat dan kaum muslimin seluruhnya agar menuntut ilmu dan belajar termasuk ilmu-ilmu dan bahasa-bahasa musuh mereka sendiri. Tulisan ini akan mengupas sumbangan 'Alī bin Abī Ṭālib r.'a. salah seorang *Khulafā' al-Rāsyidīn* dalam bidang '*Ulūm al-Naqliyyah*<sup>2</sup> dan cabang-cabangnya.

Ibn Manzūr mengemukakan beberapa tafsiran berhubung konsep

---

\* Abdullah Yusof, Ph.D adalah pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>1</sup> Lihat al-Qur'ān, *Sūrah al-'Alaq* (96) : 1-5 dan tafsirannya.

<sup>2</sup> Ilmu yang berasaskan pengetahuan yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. melalui wahyuNya atau RasulNya sebagai wasilah atau saluran untuk memberi kesejahteraan dan kebahagiaan kepada manusia di dunia dan akhirat.

ilmu. Antaranya ialah ilmu yang merujuk kepada sifat-sifat Allah s.w.t., ilmu yang berlawanan dengan sifat *al-Jahl* (tidak tahu atau bodoh), ilmu mengetahui satu-satu makna (*'arafa*) dan ilmu yang membawa makna tanda atau *'alāmat*<sup>3</sup>. Konsep ilmu dari sudut Islam pernah dibahasakan oleh sarjana Barat seperti Franz Rosenthal yang mengutip sepuluh takrif yang pernah dikemukakan oleh sarjana Islam. Beliau berhujah bahawa terdapat sebanyak 78,000 kalimah dalam al-Qur'ān yang berdasarkan kata dasar *'alama* (ilmu)<sup>4</sup>. Selain itu sarjana Islam seperti Haji Khalīfah dalam ensiklopedianya *Kashf al-Zunūn* merumuskan 15 takrif ilmu di kalangan ahli ilmu kalam, ahli fiqh dan ahli falsafah<sup>5</sup>. Begitu juga al-Qannūji dalam *Abjad al-'Ulūm* mentakrifkan ilmu sebagai *al-Idrāk* atau mengetahui yang juga bererti *al-Taṣdīq* atau pembenaran<sup>6</sup>.

Al-Rāzi pula mengutip pandangan Abū Ḥasan al-Ash'ari bahawa ilmu menghubungkan antara *al-'Ālim* (yang mengetahui) dan *al-Ma'lūm* (Yang diketahui) manakala Imām al-Haramāin menegaskan bahawa ilmu sebagai jalan untuk menerangkan hakikat ilmu dan membezakannya dengan yang lain. Dalam hal ini al-Rāzi mengemukakan 30 kalimah dan istilah yang sinonim dengan ilmu<sup>7</sup>. Imām al-Ghazālī pula mentafsirkan bahawa ilmu adalah hakikat semua perkara; pengetahuan yang tidak dapat diragui atau *'ilm al-yaqīn*, berkeupayaan memahami idea-idea abstrak (maknawi) dan berkemampuan untuk memperolehi kebenaran. Tegasnya,

---

<sup>3</sup> Lihat Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab*, jld. 52, Beirut: Dār Ṣadir, hh. 416-417; juga E.J. Brill (1979), *Encyclopaedia of Islam*, Leiden, h. 1133; juga Sidah, 'Alī bin Ismā'il, *al-Muḥkam wa al-Muḥit al-A'zam*, juz. I, Miṣr: Maṭba'ah Muṣṭafa al-Bābī al-Halabi, hh. 124-125.

<sup>4</sup> Lihat Rosenthal, F. (1992), *Knowledge Triumphant*, terj. S.M. Dawilah, Kuala Lumpur: DBP, hh. 51-67 untuk keterangan lanjut.

<sup>5</sup> Lihat selanjutnya dalam Haji Khalīfah, Muṣṭafa bin 'Abd Allāh (1941), *Kashf al-Zunūn 'an Asami al-Kutub wa al-Funūn*, Baghdād: Maktabah al-Muthanna, hh. 3-4.

<sup>6</sup> Lihat al-Qannūji (1978), *Abjad al-'Ulūm*, juz. I, *Wiṣārāt al-Thaqāfah wa al-Irshād al-Qawmi*, Dimashq, hh. 11-12.

<sup>7</sup> Lihat ulasan Fakhr al-Dīn al-Rāzi (1934-1938), *Tafsīr al-Kabīr*, Jld. I, Al-Qāhirah: Maṭba'ah al-Bahiyah al-Miṣriyyah, hh. 201-203, 214.

ilmu pengetahuan yang sebenar ialah ilmu yang bersandarkan kepada Allah s.w.t.<sup>8</sup> Sarjana tempatan seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas pula mentakrifkan ilmu sebagai ketibaan makna sesuatu ke dalam diri seseorang<sup>9</sup>. Beliau mengupas bahawa manusia adalah makhluk Allah yang aktif memanfaatkan ilmu untuk kehidupan di dunia dan kebahagiaan di akhirat<sup>10</sup>.

Menurut Sayyid Muḥammad Ḥusayn Ṭabātabā'i, terkumpul beratus-ratus ayat al-Qur'ān yang mengemukakan kedudukan dan peranan keilmuan dalam kehidupan manusia serta merangsang mereka mencari, mengumpul dan memanfaatkannya<sup>11</sup>. Tulisan ini bagaimanapun bukan bertujuan untuk mengemukakan perbincangan mengenai kosep ilmu secara kritis, sebaliknya bertujuan untuk menyingkap sumbangan 'Alī dalam keilmuan Islam khususnya bidang '*Ulūm al-Naqliyyah*.

'Alī sendiri sejak masih kecil diasuh, dibesarkan dan dididik oleh baginda Nabi Muḥammad s.a.w. sendiri dan selepas berkahwin dengan Khadijah, 'Alī dianggap sebagai anaknya<sup>12</sup>. 'Alī sering mengikuti Nabi s.a.w. ketika berulang alik ke gua Hira' sehingga beliau biasa melihat

---

<sup>8</sup> Lihat al-Ghazālī (1972 M/1392 H), *al-Munqidh min al-Dalāl*, Al-Qāhirah: Dār al-Kutub al-Hadīthah, h 92; juga *Ihya' 'Ulūm al-Dīn* (1967), juz. I, Al-Qāhirah: Mu'assasah al-Halabi, hh. 22-23; juga *Mizan al-'Amal* (1964), Al-Qāhirah: Dār al-Ma'ārif, h. 40.

<sup>9</sup> Lihat al-Attas (1980), *The Concept of Education in Islam*, Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia, h. 154.

<sup>10</sup> Lihat al-'Attas (1981), *The Positive Aspects of Tasawwuf Preliminary Thoughts on Islamic Philosophy of Science*, Kuala Lumpur: ASASI, h. 3.

<sup>11</sup> Lihat al-Qur'ān, *Sūrah al-'Alaq* (96): 3-5; *Sūrah al-Mujādalah* (58): 11; *Sūrah al-Zumar* (39): 9; *Surah Alī 'Imrān* (3): 190-191; *Sūrah al-Tawbah* (9): 122; *Sūrah Fussilat* (41): 53 dan lain-lain; Lihat al-Tabātabā'i (1984), *al-Qur'ān fī al-Islām*, Tehran: Markaz I'lam al-Dhikra al-Khāmisah li'Intisar al-Thawrah al-Islāmiyyah, h.3; Juga 'Abdullāh Basmih (1988), *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, 30 juz, cet. Ke 9, Kuala Lumpur: BHEIS, JPM, hh. 1412, 1219, 1004, 140, 372 dan 1051.

<sup>12</sup> Lihat Ibn al-Maghazili, *Manāqib*, h. 49; al-Mas'ūdi, *Ithbat al-Wasiyyah*, h.119; al-Amīn, *A'yān al-Shi'ah* (bhg. I), III, h.18; Abū al-Farj al-'Asqālani, *Maqātil al-Ṭalibiyyīn*, h. 41; Ibn Abī al-Hadīd, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, I, h.15; III, h. 82; al-Bahrani, *Ghāyah al-Marām*, h. 15.

nur wahyu dan mencium keharuman kerasulan, melihat dan mendengar apa yang dilihat dan didengar oleh Muhammad s.a.w.<sup>13</sup> ‘Alī diibaratkan oleh Nabi s.a.w. sebagai telinga yang mendengar dan menampung segala-galanya<sup>14</sup>. Beliau juga dikatakan hanya menjadi murid dan berguru kepada Rasulullah s.a.w. kerana sepanjang hidup Rasulullah s.a.w. ‘Alī tidak pernah berpisah kecuali beberapa ketika sahaja<sup>15</sup>. Dalam sebuah hadīth Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh Anas bin Mālik beliau bersabda (maksudnya)<sup>16</sup> : “Menuntut ilmu adalah fardu ke atas setiap muslim.”

Berdasarkan perintah Allah s.w.t. menerusi firmanNya dan hadīth Nabi s.a.w., maka umat Islam berlumba-lumba<sup>17</sup> dalam meningkatkan aktiviti keintelektualan sehingga akhirnya melahirkan ramai intelek Islam dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu pengetahuan, baik ilmu *naqli* mahupun ilmu *‘aqli*. Ilmu-ilmu tersebut kemudiannya disebar dan diwarisi dari satu generasi ke satu generasi bahkan orang-orang bukan Islam turut mengambil manfaatnya yang bukan sedikit.

Kegiatan ilmu pengetahuan atau keintelektualan<sup>18</sup> mengalami perubahan pesat sejak kemunculan Islam dan mengubah bangsa Arab dari bangsa Jahiliyyah yang mundur kepada bangsa yang bertamadun. Pada zaman awal Islam, di kalangan kaum Quraisy hanya terdapat sekitar 17

---

<sup>13</sup> Lihat gambaran yang diberikan oleh beliau menerusi khutbah al-Qasi`ah seperti catatan Muḥammad ‘Abduh, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, hlm. 453; al-Sharīf al-Rādi, *Nahj al-Balāghah* (khutbah no. 192), hh. 300-301; Abū Nu‘aim al-Isbahānī, *Ḥilyah al-Awliyā’*, I, h. 67.

<sup>14</sup> Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr*, III, h. 120; al-Aminī, *al-Ghādir*, III, h. 90; Lihat al-Qur’ān, *Sūrah al-Ḥaqqah* (69) : 12.

<sup>15</sup> Untuk detail tentang hal ini lihat al-Qanduzi al-Ḥanāfi, *Yanābi` al-Mawaddah*, I, hh. 72-73; al-Bahrani, *op.cit.*, h. 15; Ibn Ḥajar al-‘Asqālani, *al-Isabah*, II, h. 507.

<sup>16</sup> Menurut al-Nawawi, sanad hadīth ini lemah tetapi sahih dari segi pengertiannya sedangkan Jamal al-Dīn al-Mazzi menganggap hadīth ini *hassan* (baik). Lihat Ibn Majah, *Sunan*, t.t. h. 81.

<sup>17</sup> Lihat ulasan A. Hasjmy (1990), *Sejarah Kebudayaan Islam*, Jakarta: Pustaka Bulan Bintang, h. 71.

<sup>18</sup> Lihat huraian dalam Aḥmad Amin, *Fajr al-Islām*, hh. 141-192; Ḥasan Ibrāhīm Hasan, *Tārīkh al-Islāmi al-Siyāsi*, I, hh. 384-385; *Tārīkh al-Lughah al-‘Arabiyyah*, I, hh. 214-215.



orang yang pandai membaca dan menulis termasuk 'Alī bin Abī Ṭālib<sup>19</sup>. Al-Balādhurī menyenaraikan mereka seperti berikut : 'Umar bin al-Khattab, 'Alī bin Abī Ṭālib, 'Uthmān bin 'Affān, Abū 'Ubaydah al-Jarrah, Ṭalhah, Yāzid bin Abī Sufyan, Abū Hudhaifah bin 'Utbah, Hatib bin 'Amr, Abū Salāmah bin Abū al-Asad al-Makhzumi, Abān bin Sa'id bin al-'As, Khālid bin Sa'id, 'Abd Allāh bin Sa'id bin Abī Sarḥ al-Amiri, Abū Sufyan bin Harb, Mu'āwiyah bin Abī Sufyan, Juhaym bin Abī al-Salt dan Abū al-'Alā al-Ḥadrāmi<sup>20</sup>. Selain itu terdapat di kalangan wanita yang tahu menulis seperti Ḥafsah binti 'Umar, Umm al-Kalthūm binti 'Uqbah, 'Ā'ishah binti Sa'd dan Karimah binti al-Miqdād manakala yang boleh membaca sahaja ialah 'Ā'ishah binti Abū Bakr dan Umm Salāmah<sup>21</sup>.

Selain Hijāz (Kota Mekah dan Madinah) beberapa bandar lain menjadi pusat kegiatan keintelektualan penting dalam pelbagai bidang<sup>22</sup> seperti di Kūfah, Baṣrah, Syria dan Mesir. Antara yang terpenting sebagai pusat keilmuan ialah Kūfah yang turut menjadi ibu kota Dawlah Islāmiyyah sewaktu pemerintahan 'Alī. Beliau menjadikan bandar ini sebagai markaz utama dan penting dalam melahirkan ramai cendekiawan Islam seperti 'Alī bin Abī Ṭālib sendiri, 'Abd Allāh bin Mas'ūd, 'Alqamah, al-Aswād, al-Masrūq, 'Ubaydah, al-Harīth bin Qays dan 'Amr bin Shuraḥbil, Shurayh, al-Sha'bi, al-Nakha'i dan Sa'id bin Jubayr.

Al-'Allāmah Muḥammad Bek Najib, seorang ahli falsafah dan mahaguru di Universiti al-Azhar dalam kitab masyhurnya *Ḥimā'at al-Islām* mengatakan bahawa adalah terlalu sukar menggambarkan kualiti 'Alī dalam keilmuan. Nabi s.a.w. pernah menamakannya sebagai gerbang

---

<sup>19</sup> A.Hasjmy, *op.cit.* h.72 mengatakan selain 'Alī ialah 'Umar bin al-Khattab, 'Uthmān bin 'Affān, 'Ubaydah bin Jarrah, Ṭalhah, Yazid bin Abī Sufyan, Khuzaifah bin 'Utbah bin Rabi'ah, Hathīb bin 'Amr, Abū Salāmah bin 'Abd Asad al-Makhzūmi, Abān bin Sa'id bin Abī Sarkhi al-Amiri, Khuwaithib bin 'Abd Allāh al-'Uzza al-Amiri, Abū Sufyan bin Harb, Mu'āwiyah bin Abī Sufyan, Juhaim bin Salt dan 'Alā bin Ḥadrāmi. Di kalangan wanita termasuk Ḥafsah dan Umm Kalthūm (keduanya isteri Nabi s.a.w.), al-Shifa' binti 'Abd Allāh al-'Adawiyyah, sementara 'Ā'ishah dan Umm Salāmah hanya pandai membaca saja.

<sup>20</sup> Al-Balādhurī, *Futūḥ al-Buldān*, h. 457.

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> Lihat Hasan Ibrāhīm Hasan, *Tārīkh al-Islāmi al-Siyāsi*, I, hh. 386-395; *Tārīkh al-Adab al-Lughah al-'Arabiyyah*, I, hh. 219-229; Jurjī Zaydān, *Tārīkh al-Tamaddun al-Islāmi*, III, hh. 44-88 untuk ulasan lanjut berhubung bidang ilmu pengetahuan Islam.

ilmu dan kebijaksanaan. Beliau seorang lelaki paling berilmu, paling berani, pembicara dan orator yang paling fasih. Kerana kebijaksanaan dan pengetahuannya yang sempurna tentang jiwa manusia, ia selalu membuat kesimpulan yang tepat dan tidak pernah mengubah pendirian. Beberapa tokoh di kalangan Yahudi dan Kristian serta ahli-ahli falsafah tunduk di hadapan ilmunya yang luas dan tiada tandingan. Raja-raja Rom turut mempunyai gambar-gambarnya di istana-istana mereka dan para pejuang besar mengukir nama 'Alī pada pedang mereka<sup>23</sup>.

Dalam sebuah riwayat, Ibn 'Abbās mengatakan :

Demi Allah, Rasulullah s.a.w. telah mengurniakan kepada 'Alī 9/10 dari ilmu yang ada dan demi Allah, 'Alī masih juga mengetahui 1/10 baki ilmu yang ada pada kalian atau pada mereka.

Menerusi sabdanya yang terkenal Nabi s.a.w. berkata<sup>24</sup>(maksudnya):

Aku adalah kota ilmu dan 'Alī adalah pintunya. Barangsiapa ingin mendapatkan ilmu hendaklah dia melalui pintunya.

Dalam hadīth lain Nabi s.a.w. bersabda (maksudnya)<sup>25</sup>:

Aku adalah rumah hikmat (pusat ilmu dan kebajikan) dan 'Alī adalah pintunya.

Justeru itulah Allah s.w.t. telah melimpahkan nikmat yang tidak terhingga kepada 'Alī iaitu ilmu dan hikmat sehingga beliau dianggap orang yang paling banyak mengetahui dan menguasai isi al-Qur'ān serta ajaran-ajaran rasulNya. Ini bermakna beliau merupakan orang yang paling layak dan mampu menetapkan fatwa dan hukum Islam. Hal ini bukan

---

<sup>23</sup> Lihat penjelasan lanjut mengenai hal ini dalam *Himā'at al-Islām*, jld. 1, h. 98.

<sup>24</sup> Diriwayatkan oleh al-Tabrāni dalam *al-Kabīr* daripada Ibn 'Abbās sepertimana disebut oleh al-Suyūṭī, *al-Jāmi' al-Ṣaghīr*, h.107 ; al-Ḥākim, *al-Mustadrak* (Manāqib 'Alī), III, h. 226 melalui dua sanad yang sahih; pertama daripada Ibn 'Abbās (dari dua jalur yang sahih) dan kedua daripada Jābir bin 'Abd Allāh al-Anṣāri. Beliau telah membuktikan kesahihannya dengan beberapa bukti yang meyakinkan.

<sup>25</sup> Diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dalam *Sunannya* dan Ibn Jarīr dan telah dikutip daripada keduanya oleh beberapa tokoh penting seperti al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummāl*, VI, h. 401 yang menjelaskan bahawa hadīth ini sanadnya sahih.

luar biasa atau satu kejutan kerana dia adalah kanak-kanak yang pertama memeluk Islam dan hidup langsung di bawah naungan wahyu sejak zaman kanak-kanak sampai dewasa.

Telah diriwayatkan oleh Mutair, al-Barūdi, Ibn Jarīr, Ibn Syahin, Ibn Mandah melalui Ishāq dan Ziyād bin Maṭraf bahawa dia berkata : Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda (maksudnya):

Barangsiapa yang ingin sehidup semati denganku di Jannah al-Khuld, hendaklah dia menjadikan 'Ali dan anak keturunannya sebagai pemimpin-pemimpin yang dicintai. Sebab mereka itu tidak akan mengeluarkan kamu dari pintu hidayah dan tidak akan memasukkan kamu ke dalam pintu kesesatan<sup>26</sup>.

Pada kesempatan lain Nabi s.a.w. berkata :

Aku beserta asal usulku yang mulia dan keluarga yang baik-baik, yang paling sopan ketika usia muda, paling berilmu di kala dewasa. Dengan kami, Allah telah menghilangkan kebohongan. Dan dengan kami, Dia mematahkan taring serigala kaum yang buas. Dengan perantaraan kami, Dia meringankan penderitaanmu dan melepaskan belenggu lehermu. Dan dengan kami, Dia memulai dan mengakhiri para Nabi dan Rasul<sup>27</sup>.

Rasulullah s.a.w. memperjelaskan makna *al-Hādī* menerusi firman Allah s.w.t. yang bermaksud : *Sesungguhnya kamu (Muhammad)*

---

<sup>26</sup> Ini adalah hadīth ke 3819 dari kumpulan hadith (kitab) . Lihat al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummāl*, juz. VI h. 217. Juga tersebut dalam *Muntakhab al-Kanz*, V, h. 94 dari *Muṣnad* Aḥmad Ibn Ḥanbal; Juga Abū Nu'aim dalam kitabnya *al-Hilyah* yang kemudian dikutip oleh ulama' besar Mu'tazilah iaitu Ibn Abī al-Hadīd pada h. 450 dari kitabnya *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, jld. III, cetakan Mesir; Juga disebutkan oleh al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, III, h. 128 yang berkata: Hadīth ini sahih isnadnya tapi tidak disebutkan oleh Bukhāri dan Muslim dan lain-lain.

<sup>27</sup> Hadīth ini merupakan hadīth ke 6050 dari kitāb al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummāl*, VI, h. 396.

adalah seorang pemberi peringatan dan bagi tiap-tiap kaum ada seorang petunjuk jalan (Surah al-Ra'd: 7). Al-Tha'labi dalam tafsirnya tentang ayat ini meriwayatkan daripada 'Abd Allāh bin 'Abbās yang berkata : Ketika ayat ini diturunkan, Rasulullah s.a.w. meletakkan tangannya di atas dadanya lalu berkata (maksudnya) :

Aku adalah al-Mundhir (pemberi peringatan) dan 'Alī adalah al-Hādī (penunjuk jalan) dan dengan engkau wahai 'Alī, orang akan mencapai jalan yang benar.

Menurut Ibn 'Abbas, terdapat sekitar 300 ayat al-Qur'an<sup>28</sup>, beratus-ratus hadith dan sejumlah besar syair yang berhubungan dengan 'Ali dan ini semua membuktikan beliau berada pada kedudukan yang tersendiri berbanding personaliti lain pada zaman Rasulullah s.a.w.<sup>29</sup> Tidak hairanlah Nabi s.a.w. bersabda (maksudnya)<sup>30</sup> : Barangsiapa ingin memandang kepada Nuh dalam tekadnya, Adam dalam ilmunya, Ibrahim dalam kesabarannya dan 'Isa dalam kezuhudannya, maka hendaklah dia memandang kepada 'Ali.

Menjelang kewafatan Rasulullah s.a.w. 'Alī dipanggil mengadap beliau untuk mendengar beberapa pesanan atau wasiat. 'Alī berkata :

Telah diajarkan kepadaku oleh Rasulullah s.a.w. pada saat itu seribu bab (ilmu). Setiap bab memancar menjadi seribu bab.<sup>31</sup>

---

<sup>28</sup> Berhubung hadith di atas dan sekumpulan ayat al-Qur'an, lihat sebahagiannya dalam Husayn al-Shākiri, *'Alī fi al-Kitāb wa al-Sunnah*, juz. I, cet. Ke 2, Qum.

<sup>29</sup> Diriwayatkan oleh Ibn 'Asākir daripada 'Abd Allāh bin 'Abbās sebagaimana disebut dalam fasal 3, bab IX dari kitab *al-Ṣawā'iq al-Muḥriqah* oleh Ibn Ḥajar, h. 76.

<sup>30</sup> Hadith ini turut diriwayatkan oleh al-Bayhāqi dalam *Sahihnya* dan Ibn Ḥanbal dalam *Muṣnadnya*. Ibn Abī al-Hadīd telah mengutipnya daripada keduanya. Lihat al-Shārif al-Rādī, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, II, h. 449. Telah disebut oleh al-Rāzi dalam *Tafsīr al-Kabīr*, II, h. 288 berhubung tafsir ayat *al-Mubāhalah* (S. 3: 61) beliau mengatakan bahawa hadith ini dipersetujui oleh semua orang. Ramai yang mengakui bahawa 'Alī adalah pengumpul (ilmu-ilmu) tersembunyi daripada para Nabi seperti oleh Sheikh Muhy al-Dīn Ibn al-'Arabī sebagaimana dinukilkan oleh al-'Arif al-Sha'rani, *al-Yawāqit wa al-Jawāhir*, perbahasan ke 32, h. 172.

<sup>31</sup> Ini adalah hadith ke 6009 dalam kitab tulisan al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummāl*, VI, h. 392.

Dalam satu majlis muzakarah ilmu, sekumpulan ulama' yang terdiri dari sepuluh orang cuba menguji kebenaran dakwaan Nabi s.a.w. tentang keilmuan 'Ali. Kesepuluh ulama' tadi mengemukakan soalan yang sama tentang ilmu dan sepuluh jawapan berlainan diberikan oleh 'Ali<sup>32</sup>.

Pertanyaan (diulang 10 kali):

*Manakah yang lebih utama, ilmukah atau harta ?*

10 jawapan berlainan daripada 'Ali

1. Harta itu pusaka Qarun, Shaddād dan Fir'aun.
2. Ilmu, kerana ilmu itu memelihara engkau sedangkan harta sebaliknya, engkaulah yang harus memeliharanya.
3. Ilmu, kerana harta itu menyebabkan ramai musuh sedangkan ilmu itu menyebabkan ramai kawan.
4. Ilmu, kerana harta makin dikeluarkan makin kurang, sedangkan ilmu makin dikeluarkan makin bertambah.
5. Ilmu, sebab orang yang punya harta kadang-kadang dapat dipanggil dengan nama kedekut atau bakhil, sedangkan orang yang berilmu selalu dipanggil dengan nama yang megah dan mulia.
6. Ilmu, kerana orang yang berharta dihisab pada hari kiamat, sedangkan orang yang berilmu itu justeru diberi syufa'at pada hari kiamat.
7. Ilmu, sebab harta itu ramai pencurinya, sebaliknya ilmu tiada pencurinya.
8. Ilmu, sebab harta boleh habis kerana lama masanya, sedangkan ilmu tidak akan habis biarpun tidak bertambah.
9. Ilmu lebih utama dari harta kerana ilmu itu pusaka Nabi-nabi, kerana ilmu membuat hati pemiliknya terang benderang, sedangkan harta membuat pemiliknya mempunyai hati yang kasar.
10. Ilmu, sebab orang yang mempunyai ilmu itu termasuk *'Ubudiyyah*, yang diberi pahala oleh Allah, sedangkan orang yang mempunyai harta itu termasuk *Rubudiyyah*.

---

<sup>32</sup> Lihat Solichin Salam (1981), *Imam Ali Pejuang Kerakyatan*, cet. I, Singapura: Alharamain Pte. Ltd., hh. 18-19.



Berdasarkan keterangan di atas amat jelas bahawa 'Alī memiliki kelebihan tersendiri dalam bidang keilmuan dan dengan keupayaan tersebut beliau mampu mentadbir negara dan umat Islam mengikut dan sejajar dengan kehendak al-Qur'ān dan al-Hadīth meskipun tidak semua polisi dan tindakannya digemari oleh rakyatnya. Tahap keilmuan yang dimilikinya telah memberi kelebihan kepada beliau dalam membuat banyak keputusan penting demi negara dan rakyat baik di kalangan orang Islam mahupun di kalangan non-muslim. Analisis berhubung sumbangan 'Alī dalam tulisan ini hanya akan menyentuh bidang *'Ulūm al-Naqliyyah*.

### **Sumbangan Dalam *'Ulūm al-Naqliyyah***

#### Bidang al-Qur'ān dan Tafsir

Ilmu tentang al-Qur'ān merangkumi pelbagai aspek berhubung dengan pengajian al-Qur'ān seperti berkaitan wahyu, tempat diturunkan al-Qur'ān, *Asbāb al-Nuzul* (sebab-sebab diturunkan), *Nuzul al-Qur'ān* (penurunan al-Qur'ān), penyusunan dan penulisan al-Qur'ān, *al-Qirā'at wa al-Qurra'* (metod pembacaan dan para pembaca terawal), *al-Nāsikh wa al-Mansūkh* (pembatal dan yang dibatal), *Ijāz al-Qur'ān* (Mu'jizat al-Qur'ān), *al-Isrā'iliyyāt* (cerita ahli-ahli kitab terdahulu), pembahagian jenis tafsir al-Qur'ān dan terjemahan, *Ṭabaqāt al-Mufassirīn* (biografi ahli-ahli tafsir) dan lain-lain<sup>33</sup>.

Ilmu tafsir al-Qur'ān pada zaman Rasulullah dikatakan belum wujud secara formal dan setelah Rasulullah s.a.w. wafat barulah para sahabat mula membaca kembali ayat-ayat al-Qur'ān, mengajar dan menyebarkannya kepada seluruh masyarakat Islam. Justeru itu lahirlah para tokoh ilmu tafsir awal Islam seperti 'Alī bin Abī Ṭālib (m.40H/661M), 'Abd Allāh bin 'Abbās (m.68H/689M), 'Abd Allāh bin Mas'ūd (m.32H/653M), Zayd bin Aslam (m.t.t.) dan lain-lain<sup>34</sup>.

---

<sup>33</sup> Untuk detail lihat Manna' al-Qattan (1398/1978), *Mabāḥith fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Bayrut.

<sup>34</sup> Lihat juga Abdullah Alwi Haji Hassan (1994), *Pencapaian Umat Islam Dari Segi 'Ulum Islamiyyah*, Cendekia, Siri Monograf Akademi Pengajian Melayu, Bil. 2, h.14.

Bidang ilmu al-Qur'ān dan tafsirannya mendapat tempat utama di kalangan umat Islam terutama setelah wilayah-wilayah pemerintahan telah tersebar luas dan ramai orang-orang 'Ajam (non-Arab) memeluk Islam. Justeru itu maka ilmu penafsiran yang padu dan tepat amat diperlukan. Antara orang yang bekerja keras mentafsirkan al-Qur'ān pada peringkat awal ialah 'Alī bin Abī Tālib, 'Abd Allāh bin 'Abbās, 'Abd Allāh bin Mas'ūd dan Ubay bin Ka'b. Mereka mentafsirkan al-Qur'ān menurut apa yang mereka dengar daripada Rasulullah s.a.w. dan kemudiannya disesuaikan dengan kefahaman mereka sendiri sebagai orang-orang yang ahli dalam ilmu bahasa dan agama. Di kalangan *Khulafā' al-Rāshidīn*, diakui bahawa 'Alīlah yang paling banyak mentafsirkan al-Qur'ān. Selain itu tokoh-tokoh seperti Anas bin Mālik, 'Abd Allāh bin 'Umar, Jābir bin 'Abd Allāh dan 'Ā'ishah juga termasuk di kalangan *mufasssirin* pada peringkat awal.

'Abd Allāh bin 'Abbās termasuk antara ulama' yang dipercayai oleh khalifah Abū Bakr dalam mentafsirkan al-Qur'ān. Ketika beliau ditanya tentang perbandingan ilmu pengetahuan yang dimilikinya berbanding yang dimiliki 'Alī dalam bidang tafsir. Beliau menjawab pengetahuannya sederhana saja dan selanjutnya berkata: Perbandingannya seperti setitik air hujan dengan air lautan. Bagaimanapun kedua-dua nama ini dalam bidang tafsir tidak boleh dipisahkan sama sekali, bukan sekadar Ibn 'Abbās ingin merendah diri bahkan beliau mengaku bahawa beliau adalah murid 'Alī, sepupu sendiri.

Rasulullah s.a.w. pernah memberitahu para sahabat bahawa ada di antara mereka ada yang akan berperang demi (menjaga kemurnian) penakwilan al-Qur'ān sebagaimana beliau berperang demi (mempertahankan) turunya al-Qur'ān. Ramai yang mendengar menginginkan dirinya seperti yang dimaksudkan oleh Nabi s.a.w. dan bertanya Nabi. Semuanya dijawab tidak dan akhirnya Rasulullah s.a.w. berkata: Dia yang sedang menjahit selipar (maksudnya ialah 'Alī yang ketika itu sedang menjahit selipar). Abū Sa'id al-Khudrī berkata mereka kemudiannya mendatangi 'Alī serta memberitahunya tentang berita gembira ini. 'Alī bagaimanapun berbuat selamba dan tidak mendongah

kepala sedikitpun seolah-olah dia pernah mendengarnya daripada Rasulullah sendiri<sup>35</sup>

Abū Fuda'il pernah mendengar 'Alī mempersilakan sesiapa sahaja bertanyakan tentang kitab Allah (al-Qur'ān). 'Alī berucap: *Tanyakanlah kepadaku selama aku ada. Apa saja yang kamu tanyakan aku sanggup menjawab. Tanyakanlah tentang kitab Allah (yakni al-Qur'ān). Demi Allah tidak ada satu pun yang aku tidak mengetahui, apakah ayat itu diturunkan pada waktu siang atautkah pada waktu malam, di datarankah atau di pergunungan.*

'Alī juga pernah berkata :

*Seandainya ada yang mengadu padaku kerana bantalnya dirobek orang, aku akan mengambil keputusan hukum. Bagi yang menganut agama Yahudi penghakiman akan berdasarkan Taurat, bagi orang Nasrani akan berdasarkan Injil dan bagi yang Muslim akan berdasarkan al-Qur'ān.*

Amat jelas kehebatan 'Alī dalam bidang tafsir amat terserlah dan tidak hairanlah kalau ketiga-tiga khalifah sebelumnya menganggap beliau sebagai penasihat dalam urusan agama. 'Alī bukan sahaja memahami al-Qur'ān dengan segala macam ilmunya, bahkan keupayaan beliau memahami kandungan kitab-kitab agama lain (agama samawi) seperti kitab Taurat di kalangan orang Yahudi amat mengagumkan. Selain berdepan dengan kaum Nasrani (Kristian) iaitu penduduk dari Najran pada zaman Rasulullah s.a.w. dalam peristiwa *Mubāhalah* beliau juga beberapa

---

<sup>35</sup> Diriwayatkan oleh al-Hakim, *al-Mustadrak*, III, h. 122 yang mengatakan hadīth ini sahih menurut persyaratan Bukhari dan Muslim tetapi keduanya tidak merawikannya. Juga al-Dhahābi mengakuinya sebagai sahih menurut persyaratan Bukhari dan Muslim ketika beliau menyebutnya dalam *Talkhīṣnya*. Juga diriwayatkan oleh Ibn Ḥanbal yang mengambil daripada Abū Sa'id al-Khudrī. Lihat *Muṣnad*, III, hh. 33 dan 82. Diriwayatkan juga oleh al-Bayhaqi dalam *Shu'ab al-Imām*. Begitu juga Sa'id Manṣūr dalam *Sunannya*. Abū Nu'aim dalam *Hilyahnya*. Abū Ya'la dalam *Sunannya* dan tersebut juga dalam al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummāl*, VI, h. 155 sebagai hadīth ke 2585.

kali berdepan dengan kaum Yahudi pada zaman 'Uthmān serta berjaya menjawab semua pertanyaan yang dikemukakan dengan menakjubkan.

Al-Fairuzabadi dalam kitabnya *Faḍā'il al-Khamsah min al-Ṣiḥḥah al-Sittah*<sup>36</sup> mengenengahkan suatu riwayat yang dikutip dari kitab *Qaṣaṣ al-Anbiyā'* karya al-Tha'labī berhubung tafsiran ayat 10 *Sūrah al-Kahfi* (maksudnya):

*“ Ingatlah ketika pemuda-pemuda itu mencari tempat berlindung di dalam gua, kemudian mereka berdoa : Wahai Allah, Tuhan kami, berilah rahmat kepada kami dari sisiMu ...”*

Beliau menerangkan sewaktu pemerintahan 'Umar, datang sekumpulan pendeta Yahudi untuk menguji khalifah dengan berbagai pertanyaan yang amat sukar dijawab<sup>37</sup>. Oleh kerana semua pertanyaan yang dikemukakan gagal dijawab lalu pendeta Yahudi tersebut bersorak kegirangan dengan berkata :

Sekarang kami bersaksi bahawa Muḥammad memang bukan seorang Nabi dan agama Islam itu adalah batil.

Hal ini bukan saja memberi pukulan dan sindiran yang mengaibkan kaum muslimin bahkan boleh menjejaskan reputasinya sebagai khalifah. Justeru itu 'Umar segera memerintahkan Salmān al-Fārisī mendapatkan 'Alī agar segera datang membantunya.

Kedatangan 'Alī disambut oleh 'Umar dengan memeluknya dan berkata : *Ya Aba al-Ḥasan, setiap kali ada kesulitan besar, engkau selalu ku panggil.* Setelah dimaklumkan kesulitan tersebut 'Alī pun bersedia menjawab dengan syarat sekiranya beliau mampu menjawab semua pertanyaan sesuai dengan yang terdapat dalam Taurat, mereka hendaklah bersedia memeluk agama Islam dan beriman kepada Allah. Berikut adalah pertanyaan dan jawapan yang diberikan :

---

<sup>36</sup> Lihat al-Fairuzabadi, *Faḍā'il al-Khamsah*, II, hh. 291-300.

<sup>37</sup> Rujuk al-Tha'labī, *Qaṣaṣ al-Anbiyā'* h. 566 dst.



- Pertanyaan 1 : Apakah kunci induk yang menutup pintu-pintu langit ?  
Jawapan : Kunci induk itu ialah syirik kepada Allah sebab semua hamba Allah baik lelaki mahupun wanita jika bersyirik kepada Allah, amalannya tidak akan naik sampai ke hadrat Allah.
- Pertanyaan 2 : Anak kunci apakah yang dapat membuka pintu-pintu langit?  
Jawapan : Anak kunci itu ialah kesaksian (syahadat) bahawa tiada tuhan selain Allah dan Muḥammad adalah Rasul Allah.
- Pertanyaan 3 : Terangkanlah kepada kami tentang adanya sebuah kubur yang dapat berjalan bersama penghuninya ?  
Jawapan : Kuburan itu ialah ikan Yu (hut) yang menelan Nabi Yūnus putera Matta. Nabi Yunus dibawa mengelilingi tujuh samudera.
- Pertanyaan 4 : Jelaskan kepada kami tentang makhluk yang dapat memberi peringatan kepada bangsanya tetapi makhluk itu bukan manusia dan bukan jin ?  
Jawapan : Makhluk itu ialah semut Nabi Sulaimān putera Nabi Dāwud 'a.s. Semut itu berkata kepada kaumnya : *Hai para semut, masuklah ke dalam tempat kediaman kamu sekelian agar tidak dipijak oleh Sulaimān dan pasukannya dalam keadaan mereka tidak sedar.*
- Pertanyaan 5 : Beritahu kepada kami tentang lima jenis makhluk yang berjalan di atas permukaan bumi tetapi tidak satu pun di antara makhluk itu yang dilahirkan dari kandungan ibunya atau induknya ?  
Jawapan : Lima makhluk itu ialah Ādam, Hāwa, Unta Nabi Ṣālih, Domba Nabi Ibrahim dan Tongkat Nabi Mūsā (yang menjelma menjadi ular).
- Pertanyaan 6 : Cuba terangkan kepada kami tentang sejumlah orang yang pada zaman dahulu sudah mati selama 309 tahun, kemudian dihidupkan kembali oleh Allah. Bagaimana hikayat tentang mereka itu ?  
Jawapan 6 : Hai pendeta Yahudi, mereka adalah para penghuni gua. Hikayat tentang mereka sudah dikisahkan oleh Allah



kepada RasulNya. Jika kamu mahu aku akan bacakan kisah mereka itu.

Pertanyaan 7 : Kami sudah banyak mendengar tentang Qur'ān kalian. Jika engkau memang benar-benar tahu, sebutkan nama-nama mereka, nama bapa-bapa mereka, nama kota mereka, nama raja mereka dan semua kisah mereka dari awal sampai akhir.

Jawapan : ('Alī menceritakan semua permintaan mereka ...)

Pertanyaan 8 : Jika engkau benar-benar tahu, terangkan kepada kami bentuk istana itu, serambi dan ruangnya ?.

Jawapan : ('Alī memberi penjelasan yang lengkap ...)

Pertanyaan 9 : Cuba terangkan dari apakah mahkota itu dibuat ?.

Jawapan : ('Alī menerangkan secara lengkap...)

Pertanyaan 10 : Sebutkan nama enam orang yang menjadi pembantu raja itu ?.

Jawapan : ('Alī menyebut satu persatu dengan tepat dan panjang lebar...)

Pertanyaan 11 : Cuba sebutkan apakah warna anjing itu dan apakah namanya ?.

Jawapan : ('Alī menjawab dengan jelas dan tepat ...)

Pertanyaan 12 : Apakah nama gunung itu dan apakah nama gua itu ?.

Jawapan : ('Alī menjawab dengan detail sepertimana diceritakan kepada beliau oleh Nabi Muḥammad s.a.w. ...)

Pertanyaan 13 : Cuba terangkan berapa nilai wang lama itu berbanding wang baru ?.

Jawapan : ('Alī menerangkan dengan panjang lebar ...)

Sesudah menjawab segala pertanyaan mereka, 'Alī pun berkata kepada para pendeta Yahudi :

*Itulah..., hai Yahudi, apa yang telah terjadi dalam kisah mereka. Demi Allah, sekarang aku ingin bertanya kepada kamu, apakah semua yang ku ceritakan itu sesuai dengan apa yang tercantum dalam Taurat kalian ?.*

Pendeta Yahudi menjawab :

*Ya Aba al-Ḥasan, engkau tidak menambah atau mengurangi, walau satu huruf pun. Sekarang engkau jangan menyebut diri kami sebagai orang Yahudi, sebab kami bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah dan bahawa Muhammad itu hamba Allah dan RasulNya. Kami pun bersaksi juga bahawa engkau orang yang paling berilmu di kalangan umat ini<sup>38</sup>.*

Pertemuan dan dialog yang berlangsung itu memberi kelegaan dan kegembiraan bukan sahaja kepada 'Umar dan pendeta Yahudi yang memeluk agama Islam kemudiannya, bahkan di kalangan kaum muslimin seluruhnya. Ini menjadi bukti tentang ketinggian keilmuan yang dimiliki berbanding tokoh-tokoh lain dan mampu menyelesaikan masalah semasa dan akan datang di kalangan umat Islam. Beliau mampu memahami al-Qur'ān dan tafsirannya dengan jelas dan tepat.

### **Bidang Tauhid**

Kaum muslimin sentiasa digesa mendalami ilmu tauhid dan ilmu kalam<sup>39</sup> dalam usaha mencari hakikat Islam. Ilmu ini dianggap induk kepada ilmu-ilmu Islam lain kerana ia menyentuh mengenai masalah ketuhanan. Para pengkaji dan peneliti ilmu ini pasti tidak meragui bahawa ilmu ini dikuasai dengan baik dan mendalam oleh 'Alī.

Pemikiran Alī sendiri dalam ilmu ini mempengaruhi golongan *Mu'tazilah* atau *Ahl al-Tauḥīd wa ahl-'Adl*, para ahli ilmu kalam dan para pemikir Islam lain. Tokoh utama golongan *Mu'tazilah* iaitu Wāsil bin 'Atā dipercayai memiliki dasar-dasar ilmu pengetahuannya tentang hal ini yang bersumberkan 'Alī bin Abī Ṭālib. Wāsil dikatakan menimba ilmu daripada Abū Hashim 'Abd Allāh bin Muḥammad yang dikenali sebagai Ibn Ḥanāfiyyah. Ibn Ḥanāfiyyah bukan saja murid 'Alī bahkan puteranya sendiri iaitu bersaudara dengan Ḥasan dan Ḥusayn tetapi berlainan ibu.

---

<sup>38</sup> Lihat selanjutnya tafsiran *ayat 10 Sūrah al-Kahfi* dan dalam al-Tha'labi, *Qaṣaṣ al-Anbiyā'* untuk detail berhubung hal ini.

<sup>39</sup> Lihat sumbangan 'Alī menerusi bidang ini dalam al-Ḥamid al-Husaini, *op. cit.* hh. 341-342.

Begitu juga golongan *Ash'ariyyah* menerusi guru mereka Abū al-Ḥasan bin Ismā'il bin Abī Bisyr al-Ash'ari memperolehi ilmu ini daripada Abū 'Alī al-Jubā'i. Para pengkaji ilmu tauhid dan peneliti riwayat hidupnya pasti mengetahui bahawa al-Jubā'i adalah tokoh yang sangat terkenal di kalangan kaum Mu'tazilah, sedangkan kaum ini memperolehi ilmu mereka daripada 'Alī. Selain itu golongan Shi'ah, baik aliran Zaydiyyah mahupun Isma'iliyyah<sup>40</sup> tentu sekali ilmu pengetahuan mereka bersumberkan 'Alī. Justeru itu sumbangan 'Alī dalam pengukuhan ilmu ini tidak dapat dipertikaikan sama sekali.

## **Bidang Fiqh**

Rasulullah s.a.w. sewaktu hidupnya pernah menyifatkan beberapa sahabat besar dengan beberapa ungkapan tertentu. Abū Bakr r.'a. misalnya disifatkan sebagai orang yang paling berhati lembut dan paling ramah. 'Umar r.'a. pula disifatkan sebagai paling keras membela agama Islam. Paling pemalu pula ialah 'Uthmān r.'a. manakala 'Alī r.'a. disifatkan oleh Nabi s.a.w. sebagai orang yang paling mengetahui tentang hukum<sup>41</sup>. Hampir semua ahli hukum fiqh (*fuqahā' / jurist*) mengambil sumber ilmu daripada Abū Ḥanīfah (150 H), tokoh mazhab Ḥanāfi yang mengambilnya daripada Ja'far bin Muḥammad Ibn Ḥanāfiyyah. Ja'far adalah murid bapanya sendiri iaitu Ibn Ḥanāfiyyah dan beliau adalah murid dan putera kepada 'Alī bin Abi Talib.

Tokoh mazhab Mālikī iaitu Mālik bin Anas (95-179 H) pun demikian juga menimba ilmu tentang fiqh daripada 'Abd Allāh bin 'Abbās sedangkan Ibn 'Abbās ini adalah murid kesayangan gurunya 'Alī, begitu juga Abu Ḥanīfah (80-150 H) pendiri mazhab Ḥanāfi. Dikatakan sumber dan pangkal ilmu fiqh madhhab Shāfi'i (150-204 H) juga berasal dari mazhab Mālikī dan Mālikī sendiri bersumberkan ilmu yang berasal daripada 'Alī. Begitu juga terjadi pada Aḥmad bin Ḥanbal (164-241 H), tokoh mazhab Hambali dan para ulama' mazhab lain seperti Dāwud al-Zāhiri, al-Auza'i dan al-Ṭabarī walaupun usia mazhab mereka tidak

---

<sup>40</sup> Zaydiyyah dan Isma'iliyyah adalah dua aliran atau mazhab dalam puak Shi'ah.

<sup>41</sup> Yang dimaksudkan dengan hukum ialah hukum Islam yakni menerusi ilmu fiqh. Lihat ulasan al-Suyuti, *al-Jāmi' al-Ṣaghīr*, I, h. 58 yang memetik pernyataan Rasulullah s.a.w. sepertimana diriwayatkan oleh Abū Ya'la.

panjang. Ini bermakna keempat-empat mazhab muktabar dalam dunia Sunni Islam mengambil sumber ilmu fiqh yang berasal daripada 'Alī dan tidak hairanlah kalau puak Shi'i yang dikatakan penyokong kuat 'Alī memang mengambil ilmu ini daripada beliau.

Pada zaman Rasulullah s.a.w., baginda pernah mengangkat 'Alī sebagai Qādī di Yaman. Sehubungan dengan itu baginda berdoa : *Ya Allah, bimbinglah hatinya dan mantapkanlah ucapannya*. Mulai saat itu 'Alī berkata: *Kini aku tidak akan ragu-ragu lagi mengambil keputusan hukum yang berkaitan kedua belah pihak (yang bertikai)*. 'Umar yang juga dikenali sebagai tokoh yang memecah banyak persoalan berhubung hukum Islam juga tidak terlepas dari pemikiran 'Alī yang diakui sendiri melalui kata-katanya ; *Kalau tiada 'Alī nescaya celakalah 'Umar*. Katanya lagi : *Tidak ada kesukaran (hukum) yang tidak dapat dipecahkan oleh Abū al-Ḥasan (iaitu 'Alī)*. Ucapan lain beliau yang mengukuhkan kewibawaan 'Alī dalam ilmu ini ialah menerusi ucapannya :

*Tidak ada seorang pun dalam masjid yang dapat memberikan fatwa hukum bila 'Alī hadir.*

Terdapat banyak contoh penghakiman dan keputusan hukum yang dilahirkan oleh pemikiran 'Alī<sup>42</sup>. Antaranya kes seorang isteri yang melahirkan anak setelah enam bulan dikahwini suaminya. 'Alī menetapkan hukuman tersebut berdasarkan Surah *al-Aḥqāf: 15*. 'Alī jugalah yang menetapkan fatwa hukum Islam ke atas wanita hamil kerana berzina. Beliau juga dianggap pakar dalam hukum fara'id kerana telah berjaya memecahkan banyak kes rumit dan pelik dalam pembahagian pesaka atau harta waris. Misalnya 'Alī berjaya membuat keputusan dengan cepat dan tepat dalam kes *Mimbariyyah* yang menarik perhatian para ahli hukum baik di kalangan muslim mahupun non Muslim. Peristiwa yang membawa kes ini terjadi sewaktu 'Alī sedang berkhotbah di atas mimbar, tiba-tiba seorang bertanya mengenai hukum pembahagian harta waris antara dua orang anak perempuan, seorang bapa dan seorang perempuan<sup>43</sup>. Seketika

---

<sup>42</sup> Lihat beberapa contoh yang dikemukakan oleh al-Ḥamid al-Husaini, *op.cit.* hh. 343-345.

<sup>43</sup> Dimaksudkan ialah seorang perempuan yang pernah dua kali menikah dengan dua orang lelaki dan dari masing-masing lelaki dia memperoleh seorang anak.

itu juga tanpa ragu-ragu 'Alī mengatakan hukum asal sepatutnya  $1/8$ <sup>44</sup> bahagian perempuan itu telah berubah menjadi  $1/9$ . Hal ini bagaimanapun akan diberi keterangan lanjut dalam bab berikutnya.

'Alī mempunyai kecerdasan, kebijaksanaan dan kemampuan matematik yang tinggi kerana berjaya membuat perkiraan dengan pantas tanpa bantuan alat-alat mengira dan dengan itu beliau mampu menyelesaikan masalah matematik yang rumit. Jelasnya hanya orang yang menguasai ilmu farā'id dan dasar-dasar hukum fiqh yang tinggi sahaja dapat menyelesaikan masalah sebegitu dengan cepat dan tanpa ragu-ragu.

### **Bidang Tilawah al-Qur'ān**

Ilmu tilawah al-Qur'ān adalah ilmu yang paling awal diperolehi oleh 'Alī secara langsung daripada Rasulullah s.a.w. sejak masih kanak-kanak. Kenabian (*Nubuwwah*) Muhammad s.a.w. berlangsung sewaktu 'Alī berusia 10 tahun dan banyak sumber menyatakan beliau memeluk Islam dalam usia tersebut. Ketika itu beliau berada dalam penjagaan, asuhan dan bimbingan langsung daripada Nabi s.a.w. Memandangkan 'Alī tidak pernah berpisah daripada Nabi s.a.w. sejak dibela oleh baginda, maka beliau adalah orang yang paling mengetahui bagaimana Rasulullah membaca ayat-ayat al-Qur'ān dan antara orang pertama yang menghafal al-Qur'ān. Kecerdasan yang dimilikinya menyebabkan beliau dapat menguasai ilmu tilawah al-Qur'ān dengan sempurna selain menguasai pengertian dan tafsir al-Qur'ān. Kepakaran dan kecekapannya di bidang ini dapat membantu dan memberi sumbangan besar dalam usaha menghimpunkan ayat-ayat suci al-Qur'ān sepeninggalan Nabi s.a.w.<sup>45</sup>

Setelah kewafatan Nabi s.a.w., ramai para sahabat yang terlibat dalam konflik dan usaha menumpaskan golongan murtad. Ramai di antara mereka yang terkorban di medan pertempuran ialah para *ḥuffāz*<sup>46</sup>. Situasi ini amat membimbangkan dan atas usul 'Umar, Khalifah Abū Bakr

---

<sup>44</sup> Lihat tafsiran berhubung hal ini dalam al-Qur'ān, *Sūrah al-Nisā'* 4 : 12.

<sup>45</sup> Lihat al-Ḥamid al-Ḥusaini, *op. cit.* hh.347-349.

<sup>46</sup> Golongan yang menghafal al-Qur'ān pada zaman awal Islam.



menugaskan Zayd bin Thābit mengetuai pasukan untuk mengumpulkan al-Qur'ān. Tugas Zayd dipermudahkan menerusi sumbangan dan bantuan besar 'Alī yang tidak ternilai.

Sejarah pengajian ilmu tilawah membuktikan bahawa para ahli tilawah semuanya menimba ilmu dari sumber yang pertama iaitu 'Alī; termasuk oleh Abū 'Umar bin al-'Alā, 'Āsim bin Najd dan lain-lain. Mereka adalah rakan seperguruan dengan Abū 'Abd al-Rahman al-Sulāmi al-Qarī, sedangkan Abū 'Abd al-Rahman al-Sulāmi al-Qarī berguru dan mendapat didikan langsung daripada 'Alī dalam ilmu tilawah al-Qur'ān. Selain memperturunkan ilmu tilawah, 'Alī sentiasa menggesa orang ramai agar mempraktikkan apa yang terkandung dalam al-Qur'ān, bukan sekadar membacanya sahaja. Antara lain 'Alī pernah berkata :

*Kamu semua wajib mengetahui bahawa al-Qur'ān itu adalah nasihat yang tidak pernah palsu, pembimbing yang tidak pernah sesat dan pembicara yang tidak pernah mengenal dusta. Setiap orang yang duduk membaca al-Qur'ān, dia pasti memperoleh tambahan dan pengurangan; iaitu tambahan hidayat atau pengurangan kejahilan. Ketahuilah bahawa tidak ada yang lebih unggul dan lebih tinggi bagi seseorang selain al-Qur'ān. Oleh sebab itu sembuhkanlah penyakit kamu dengan al-Qur'ān dan dengan al-Qur'ān mohonlah pertolongan kepada Allah untuk mengatasi kesukaran kamu. Dalam al-Qur'ān terdapat ubat penyembuh bagi penyakit yang paling parah iaitu penyakit kufur, kemunafikan dan kesesatan. Mohonlah kepada Allah dengan al-Qur'ān dan dengan mencintai al-Qur'ān hadapkanlah diri kamu ke hadratnya. Jangan dengan al-Qur'ān kamu meminta sesuatu kepada makhluk Allah. Semua hamba Allah tidak dapat menghadapkan diri kepadaNya melalui sesama makhluk. Dan ketahuilah bahawa al-Qur'ān adalah pemberi syufa`at yang benar-benar dapat diharapkan. Juga merupakan pembicara terpercaya. Barangsiapa memperoleh syufa`at dari al-Qur'ān pada hari kiamat, bererti dia*

*memperoleh syufa'at yang sejati. Dan barangiapa yang dinilai buruk oleh al-Qur'ān, pada hari kiamat dia tidak dapat dipercayai. Pada hari kiamat akan terdengar suara berseru: Bukankah orang yang berbuat akan diuji dengan perbuatannya sendiri dan akan diuji pula oleh akibat dari perbuatannya itu? kecuali orang yang berbuat menurut ajaran al-Qur'ān? Oleh sebab itu jadilah kamu orang-orang yang berbuat sesuai dengan al-Qur'ān dan mengikuti ajaran-ajarannya. Jadikanlah al-Qur'ān sebagai pembimbing fikiran dan pendapat kamu dan jadikanlah al-Qur'ān sebagai pencegah hawa nafsu.*

Begitulah peranan dan sumbangan 'Alī sebagai tokoh yang memandu hakikat dasar ilmu tilawah al-Qur'ān dan dianggap pelopor utama sejak zamannya sehingga dasarnya menjadi ikutan sehingga ke hari ini. Panduan dan dasarnya dianggap menjadi kunci kepada segala metode tilawah al-Qur'ān selepasnya.

### **Bidang Ilmu Kalam**

Ilmu Kalam<sup>47</sup> adalah suatu ilmu yang membicara dan mengupas persoalan-persoalan tentang 'aqidah Islam yang wajib diyakini, dipelajari, diperjelaskan, diperbahaskan dan dipertahankan. Ilmu ini juga membincangkan tentang kedudukan agama dan menolak kepalsuan mengenainya, memelihara 'aqidah *Ahl al-Sunnah* dan menolak kekeliruan yang ditimbulkan oleh *Ahl al-Bid'ah* serta memperkukuhkan 'aqidah-'aqidah agama (*al-'Aqā'id al-Dīniyyah*) dengan dalil-dalil yang meyakinkan serta mengkaji doktrin-doktrin asas dalam *Uṣūl al-Dīn*<sup>48</sup>.

Pokok perbahasan ilmu ini merangkumi tiga konsep utama iaitu ketuhanan (*al-Tawḥīd*), kenabian (*al-Nubuwwah*) dan kebangkitan (*al-*

---

<sup>47</sup> Abū Ḥanīfah menamakan ilmu ini sebagai *Fiqh al-Akbar* yang membicarakan soal 'aqidah yang dianggap lebih awla berbanding *Furū' al-Aḥkām*. Lihat Mulla 'Alī al-Qarī, "Sharḥ al-Fiqh al-Akbar" dalam *al-Tawḥīd*, II, h. 51; 'Irfan, *Dirāsāt*, h. 122; Ḥasan Maḥmud al-Shāfi'i, *al-Madkhal*, h. 14; Lihat juga al-Farābī, *Ihsā' al-'Ulūm*, h. 131.

<sup>48</sup> Lihat al-Ghazāli, *al-Munqidh min al-Ḍalāl*, h. 68; al-Ijī, *al-Mawāqif*, h. 7; Mutahhari, "An Introduction of 'Ilm al-Kalam" dalam *al-Tawḥīd*, vol., II, h. 56.

Ma`ad)<sup>49</sup>. Ilmu ini juga dulunya dikenali dengan pelbagai panggilan seperti 'Ilm al-Tawhīd, 'Ilm al-Naẓr wa al-Istidlāl, 'Ilm al-Tawhīd wa al-Sifat, 'Ilm al-'Aqīdah dan juga Uṣūl al-Dīn<sup>50</sup>.

Berhubung sumbangan 'Alī dalam ilmu ini, tinjauan boleh dibuat ke atas banyak siri khutbah, kata-kata hikmat dan surat-surat beliau. Antara aspek yang diberi tumpuan ialah berhubung sifat Allah di mana 'Alī memperjelaskan bahawa *Awwal al-Dīn Ma'rifat Allāh*<sup>51</sup> yang kemudiannya menjadi dasar dan rukun iman<sup>52</sup>. Mengenai konsep *dhāt* dan sifat Allah, 'Alī telah berjaya merumuskan banyak persoalan mengenainya serta mengengahkan beberapa konsep yang berhubung dengan Allah seperti *qudrat*<sup>53</sup>, 'ilm<sup>54</sup>, *Irādat*<sup>55</sup>, *kalām*<sup>56</sup>, *ru'yah*<sup>57</sup>, *al-ma'āni*<sup>58</sup> dan *sifat*

---

<sup>49</sup> Di kalangan ulama' *al-Mutaqaddimīn*, ilmu kalam difokuskan pada persoalan *dhāt* dan *sifat Allah* manakala golongan *al-Muta'akhhirīn* menumpukan pada pengukuhan 'Aqīdah Islāmiyyah. Lihat *Miftāḥ al-Sa'ādah*, II, h. 150.

<sup>50</sup> Lihat al-Sayyid Muḥammad 'Aqīl, *Muqaddimah*, hh. 45-46; 'Irfan, *Dirāsah*, h. 122; Hasan Maḥmud al-Shāfi'i, *al-Madkhal*, hh. 26-32.

<sup>51</sup> Perbincangan mengenai konsep tersebut juga oleh 'Alī boleh juga dirujuk dalam al-Ṣadūq, *al-Tawhīd*, hh. 89, 231; al-Ṣadūq, *op. cit.*, h. 89; al-Majlisi, *Biḥār al-Anwār*, III, h. 140; al-Muḥammadi, *Mizān al-Hikmat*, I, h. 132; al-Karajaki, *Kanz al-Fawā'id*, I, h. 71 dll.

<sup>52</sup> Berhubung hal ini lihat misalnya al-Majlisi, *Biḥār al-Anwār*, III, h. 152; Muḥammad 'Abduh, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, h. 99; al-Sharif al-Rādī, *Nahj al-Balāghah* (khutbah no. 2) h. 46. Muḥammad 'Abduh adalah antara ramai pemikir Islam yang menganggap *Nahj al-Balāghah* sebagai sahih (autentik). Lihat hal ini dalam Syed Mohamad Waris Hasan (1979), *A Critical Study of Nahj al-Balaghah*, Tesis Ph.D (tidak diterbitkan), University of Edinburgh, hh. 68.

<sup>53</sup> Lihat al-Qur'ān, *Sūrah Yāsīn* (36):81-82; *Sūrah al-Baqarah* (2) : 20, 106,109 ; *Sūrah al-Nūr* (24): 45; Muḥammad 'Abduh, *op.cit.*, h. 442; al-Ṣadūq, *al-Tawhīd*, h. 133; al-Ṭūsī, *Kashf al-Murid*, hh. 305-309, al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Nihal*, I, h. 46; al-Sily, *al-'Aqīdah al-Salafiyyah*, h. 174.

<sup>54</sup> Lihat al-Qur'ān, *Sūrah al-Mujādalah* (58) : 8; *Qāf* (50): 16; *Tāhā* (20): 7; *al-An`ām* (6): 59; juga al-Ṭūsī, *op.cit.*, h. 309-313; al-Karajaki, *Kanz al-Fawā'id*, I, h. 75;

<sup>55</sup> al-Ash'ari, *Maqālat al-Islāmiyyin*, I, h. 226; al-Kulayni, *Uṣūl al-Kāfi*, I, h. 109; al-Karajaki, *op.cit.*, h. 78.

<sup>56</sup> Lihat al-Qur'ān, *Sūrah al-Baqarah* (2): 87; *al-Kahfi* (18): 15.

<sup>57</sup> Lihat al-Qur'ān, *Sūrah al-An`ām* (6): 103; *al-A'rāf* (7): 103, 104, 143; *al-Shūrā* (42): 11; *Tāhā* (20): 5; al-Majlisi, *Biḥār al-Anwār*, IV, h. 31.

<sup>58</sup> Lihat al-Qur'ān, *Sūrah al-Ḥadīd* (57): 3.

*af'āl* Allah<sup>59</sup>. Beliau menegaskan bahawa sifat *al-Khāliq* tidak boleh dibandingkan sama sekali dengan sifat *al-Makhlūq* kerana ia berlawanan dengan banyak keterangan dalam al-Qur'ān<sup>60</sup>. Begitu juga sifat sebahagian makhlukNya yang tidak mampu dijelaskan oleh manusia dan hendaklah berdasarkan keterangan al-Qur'ān dan diperakui oleh hadith Nabi s.a.w.<sup>61</sup>.

'Ali juga berjaya memperkukuhkan berhubung konsep keadilan Allah (*al-'Adl Allāh*)<sup>62</sup> dan telah memecahkan persoalan tentang *al-'adl wa al-zulm* (keadilan dan kezaliman), konsep *'aql* (akal) , *af'al* (perbuatan) , *lutf* (kebaikan), *al-wa'ād wa al-wa'id* (janji baik dan ancaman buruk), *istiṭāh* (kemampuan), *al-taklīf* (tanggungjawab), *af'āl al-'Ibād* (perbuatan manusia), *al-Jabr* dan *al-Ikhtiyār*, *qadā'* dan *qadar* serta *al-Hidāyah* (petunjuk) dan *al-Idlāl* (kesesatan).

Mengenai konsep kenabian (*Nubuwwah*) pula 'Ali telah menghuraikan secara detail tentang istilah nabi dan rasul, pemilihan, matlamat dan kepentingan perlantikan mereka, konsep *Ulu al-'Azm*, *al-Wahy*, *al-'Ismah* dan *mu'jizat*. Begitu juga persoalan mengenai hari kebangkitan (*al-Ma'ād*) yang meliputi perkara berkaitan *rūḥ*, *al-mawt*, *al-barzakh*, *al-qiyāmat*, *naḥkhaḥ al-ṣūr*, *al-mahshar*, *asl-ṣuḥuf*, *al-shahīd*, *al-mīzān*, *al-sirāt*, *al-ma'ad al-jasmani wa al-ruhāni*, *al-jannah* dan *al-nār*<sup>63</sup>.

Jelas di sini bahawa 'Alī telah berjaya memecahkan banyak persoalan penting berhubung 'ilmu kalam dan aspek-aspek yang

---

<sup>59</sup> Al-Mufid, *Taṣḥīḥ*, II, hh. 19-20.

<sup>60</sup> Al-Amudi, *Ghurār al-Hikam*, h. 368; al-Ṣadūq, *al-Tawḥīd*, h. 97. Juga al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, III, hh. 189, 193, al-Bahbudi, *Zubdah al-Kāfi*, I, hh. 14-15; Muḥammad 'Abduh, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, IX, h. 147.

<sup>61</sup> Ibn Abī al-Hadīd, *op.cit.*, x, hh. 88-89; Ibn Maytham al-Bahrani, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, II, h. 43; al-Shirāzi, *al-Tawḥīd*, III, h. 97; Abū Nu'aim, *Hilyah al-Awliyā'*, I, h. 73; Muḥammad 'Abduh, *op.cit.*, h. 237; al-Majlisi, *op.cit.*, III, hh. 258-259.

<sup>62</sup> Lihat al-Qur'ān, *Sūrah Alī 'Imrān* (3) : 18; *al-Mā'idah* (5): 8; *al-Nahl* (16): 90; *al-Anbiyā'* (21): 47.

<sup>63</sup> Lihat keterangan lanjut dalam Muḥammad 'Abduh, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, h. 94; al-Sharif al-Rādī, *Nahj al-Balāghah*, (khutbah no. 1), h. 43; Ibn Abī al-Hadīd, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, I, h. 43.

berkaitan dengannya. Ini semua memberi petunjuk tentang peranan dan sumbangannya yang penting dan bermakna dalam memantapkan dan memperkukuh *'Aqīdah al-Islāmiyyah* di kalangan umat Islam.

## **Rumusan**

Berdasarkan kupasan di atas, adalah jelas sumbangan 'Alī dalam bidang *'Ulūm al-Naqliyyah* amat besar. Beliau diketahui menerima ilmu secara langsung daripada Rasulullah s.a.w. sejak zaman kanak-kanak, sepanjang proses kenabian dan selepas kerasulan. Bahkan sepanjang hidupnya sentiasa berdamping dan berdiskusi dengan Rasulullah s.a.w. di samping menimba ilmu daripadanya. Beliau termasuk di kalangan 17 orang Islam terawal yang pandai membaca dan menulis.

Selepas kewafatan Rasulullah, 'Alī cuba menyisihkan diri dari pergolakan politik dengan memberi perhatian yang serius dalam bidang keilmuan termasuk penulisan dengan mengumpul dan menulis al-Qur'ān. 'Alī juga dianggap orang yang mula-mula mempelopori bidang pengajian al-Qur'ān dan tafsirannya dengan melahirkan ramai tokoh-tokoh penting dalam bidang ini seperti Ibn 'Abbās sendiri. Sebagai orang yang paling banyak mengetahui dan menguasai isi al-Qur'ān dan ajaran-ajaran Rasulnya, ramai cendekiawan Islam dan bukan Islam termasuk ahli falsafah di kalangan kaum Yahudi dan Kristian yang mengkagumi ilmunya yang luas dan tiada tandingan. Keberaniannya berdialog dengan para cendekiawan kaum Yahudi serta mematahkan hujah mereka adalah bukti jelas tentang keunggulan 'Alī dalam bidang keilmuan.

Beliau juga adalah pakar dalam bidang hukum fiqh dan kerap membantu ketiga-tiga khalifah sebelumnya menyelesaikan masalah penghakiman. Dari panduan, ajaran dan bimbingannya lahirlah ramai tokoh yang kemudiannya menjadi rujukan kepada hampir semua pendiri mazhab fiqh dalam Islam. Hampir semua pendiri empat mazhab fiqh yang muktabar dalam dunia Islam menimba pengaruh keilmuan 'Alī baik secara langsung mahupun tidak langsung.

Begitu juga dalam bidang tilawah al-Qur'ān, sumbangannya amat bermakna kerana tiada seorang pun yang lebih mengetahui tentang kaedah



dan cara pembacaan sebenar kecuali beliau atas hujah perdampingannya yang rapat dengan Nabi s.a.w. Dasar dan panduannya dalam ilmu tilawah menjadi pedoman dan ikutan sehingga ke hari ini. Dalam hal ini 'Alī sentiasa mendorong orang ramai agar mempraktikkan apa yang terkandung dalam al-Qur'ān, bukan sekadar membacanya sahaja.

Selain itu kebolehan dan sumbangannya dalam ilmu kalam dengan segala aspeknya tidak boleh dipertikaikan sama sekali. Kebanyakan atau semua tokoh mazhab ilmu kalam menerima manfaat yang bukan sedikit dari keilmuannya dalam bidang ini. Beliau bukan sahaja berjaya menolak banyak argumen yang mengelirukan mengenai 'aqidah Islam, bahkan berjaya membersihkan agama dari kepalsuan dengan hujah dan dalil yang meyakinkan. 'Alī berjaya memperjelaskan konsep-konsep ketuhanan, kenabian dan kebangkitan dengan berkesan.

Begitu juga perbahasan berhubung zat dan sifat Allah dikupas oleh 'Alī secara terperinci dengan dalil yang kukuh dan meyakinkan. Hasilnya, para ulama' Islam kemudiannya meletakkan beberapa dasar dan rukun iman. Selain itu 'Alī mengengahkan perbahasan berhubung sifat *al-Khāliq* (pencipta) dan *al-Makhlūq* (Makhluk), konsep keadilan dan yang berkaitan dengannya. Semua ini memberi kesan besar ke atas sikap, personaliti dan penglibatannya dalam urusan pentadbiran negara dan masyarakat.

Meskipun zaman 'Alī dianggap zaman penuh dengan pergolakan politik dan konflik, namun beliau tidak cuba untuk mengambil kesempatan berhubung kepimpinan umat ketika itu. Sebelum itu beliau mengelak dari mengejar pengaruh, pangkat dan kuasa, bahkan memencilkan diri dari kekhalfahan. Sebaliknya beliau menunjukkan sikap dan keperihatinannya yang mendalam terhadap bidang keilmuan dalam pelbagai aspek dan disiplin. Beliau boleh dianggap sebagai pencatat, perekod dan penyimpan terulung khazanah keilmuan yang baru saja ketika itu ditinggalkan oleh Rasulllah s.a.w. untuk umat Islam. Tindakan beliau semata-mata untuk menyelamatkan Islam dan penganutnya dari pelbagai ancaman baik dari dalam mahupun dari luar menerusi bidang keilmuan. Ternyata warisan keilmuan yang ditinggalkan oleh 'Alī amat besar dan bermakna untuk generasi umat Islam semasa dan selepasnya.